

# Malay

## Background Speakers Level Sample Assessment Items

---

---



The assessment items below have been developed as a guide to the kinds of questions that will be set in the external examination. For detailed advice, including advice on the text types that will be used, refer to the 'Assessment' section of this syllabus.

## Written Examination

### Section 1: Listening and Responding

#### Part A

##### Text

##### Transcript

Usaha berterusan patut dilaksanakan agar status wanita tidak dijadikan bahan persendaan. Iklan yang mempamerkan tubuh wanita, sedangkan tidak berkaitan dengan barang yang diiklankan, patut dibantah sekeras-kerasnya. Namun dalam kesibukan dan keghairahan wanita memperkatakan hal ini malah sehingga berbuih mulut berbincang mengenainya, masih ada wanita berkerjaya yang hidup dalam keadaan tidak sedar walaupun mata mereka celik dan telinga pula mendengar.

Dan segi umur mereka sudah boleh dianggap matang, tetapi sayang seribu kali sayang, tindak-tanduk dan tingkah laku mereka adalah sebaliknya. Status perkahwinan atau gosip liar kerana dikaitkan dengan orang temama dijadikan umpan pelaris bahan bacaan.

Mereka lena dibuai puji-pujian tinggi melangit mengenai kejelitaan. Sesungguhnya wanita seperti ini (yang biasanya dikenali masyarakat), dengan rela membiarkan diri diperalat. Suruhlah apa gaya yang diinginkan lensa kamera dan mereka, akan atur tanpa memikir dua kali status mereka dalam institusi keluarga. Gosip liar yang mengaitkan nama mereka dengan personaliti terkenal seolah-olah menjadi batu loncatan untuk memastikan diri sentiasa berada dalam perhatian masyarakat.

Teka-teki mengenai hubungan peribadi dengan seseorang seolah-olah memberikan suatu keseronokan yang tidak terhingga. Tidak hairanlah wanita seperti ini dapat dilihat dalam pelbagai bahan penerbitan. Tidak terlintas dalam fikiran wanita seperti ini bahawa mereka semata—mata menjadi alat? Kenapakah rela membiarkan diri diperdagangkan sebegitu rupa? Di mana letaknya harga diri sekiranya wajah yang jelita dijadikan bahan pelaris?

Wanita seperti ini perlu sedar bahawa kecantikan bukan segalanya. Wajah yang cantik, kulit yang halus, gebu dan licin pula, bibir bak delima mekar, mata yang bulat serta hidung mancung semata--mata tiada bererti sekiranya tingkah laku serta tutur kata tidak langsung mencerminkan kematangan atau ketangkasan minda berfikir.

Solekan yang tebal mungkin mampu menutupi sedikit kekurangan di wajah namun tidak mungkin mengabui mata orang ramai mengenai nilai diri anda sebagai wanita. Jangan biarkan imej diri dipermainkan-mainkan oleh mereka yang hanya berminat menjadikan wanita bahan pelaris. Sedarlah sebelum terlambat!

Source: Adapted from *Berita Harian*, 26 March 1996

##### Questions

Answer the following questions ((a)–(d)) in *English* in extended paragraphs. The total length of your response should be approximately 400 words.

- (a) Briefly outline the main issues in the passage.
- (b) What message is the speaker trying to convey when she says 'Wanita seperti ini perlu sedar bahawa kecantikan bukan segalanya'?

- (c) What is the meaning of 'diperalat' or diexploitasikan'? Does the speaker consider women to be victims? Give reasons to support your answer.
- (d) According to the speaker, who is to blame for the 'misuse' of women by the advertising industry? Summarise the views of the speaker.

### **Part B**

#### *Text 1*

##### *Transcript*

Ramai orang berbicara soal kejatuhan akhlak anak remaja dewasa ini yang begitu membimbangkan. Banyak faktor sebenarnya yang menyumbang ke arah kejatuhan nilai murni seperti pergaulan bebas tanpa batasan, didikan agama yang tidak sempurna, kurang perhatian keluarga, kejutan budaya yang dibawa oleh pendatang asing yang begitu banyak membanjiri negara dan banyak faktor lain yang membantu ke arah ini.

Saya ingin menarik perhatian semua lapisan masyarakat Malaysia mengenai bahaya penerbitan yang mempunyai unsur yang tidak langsung membina generasi kita pada masa ini dan mungkin juga pada masa depan.

Objektif utama penerbit majalah kini cuma ingin untung daripada penjualan yang banyak kepada pembaca daripada golongan remaja khususnya yang hanya inginkan hiburan semata-mata.

Penerbitan banyak majalah baru di pasaran akhir-akhir ini amat membimbangkan dengan kemunculan majalah hiburan sensasi. Jika ibu bapa meneliti kandungannya yang sering dibeli dan dibaca oleh anak-anak kita, jelas tiada satu pun isinya yang boleh mendidik akhlak anak kita yang gemarkan hiburan seperti itu.

Cubalah pergi ke kedai buku, cuba tengok apa yang ada dalam majalah itu. Tak ada satu pun isinya yang membina minda anak-anak kita.

Bahan yang banyak dipaparkan ialah cerita dan gosip artis dan begitu bentuk eksploitasi terhadap artis wanita yang begitu ghairah mempergunakan aksi separa lucah di kolam renang dengan berpakaian mandi yang menjolok mata.

Apa yang amat saya kesalkan ialah eksploitasi ini terjadi kepada artis Malaysia sama ada yang terkenal dan juga yang sudah nak tenggelam populariti mereka. Artis yang sudah lama tenggelam pun sama tumpang memperagakan pakaian yang menjolok mata demi meraih simpati peminat lama.

Mungkin banyak majalah lain yang ada unsur seperti ini yang tidak sempat saya tengok di pasaran yang berselerak di bandar dan pekan di negara kita.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya tengok tengoklah sama kemunculan majalah seperti ini. Janganlah dibiarkan bebas tanpa batasan.

Kita selalu bimbangkan sikap dan perangai anak-anak kita tapi kita tak pernah nak bimbang pada majalah dan bahan bacaan yang boleh merosakkan minda mereka.

#### *Text 2*

##### *Transcript*

Kadang-kadang anak-anak cucu Datuk buka lagu sampai bingit telinga Datuk. Bila Datuk bising dia kata atuk tak sporting. Itu lagu Bon Jovi atau Scorpions, Pearl Jam atau Nirvana, kata mereka. Nak sebut nama pun Datuk tak reti. Datuk terkebil-kebil saja. Sebab lagu jenis itu bukan untuk halwa telinga Datuk Budak-budak inuda sukalah. Tapi bukan untuk orang macam Datuk.

Tapi Datuk kena faham juga selera budak-budak muda. Keadaan dah berubah. Datuk tak boleh paksa mereka sukakan Asiah Chik atau R. Azmi atau Dean Martin dan Nat King Cole semata-mata kerana Datuk sukakan mereka. Budak-budak ini ada pilihan sendiri. Mereka tak minat lagi pada A. Ramlee, A. Rahman Hassan atau J. Sham. Sebab keadaan dan zaman dah berubah. Zaman ini mereka mahukan Awie, Erra Fazira, Ukays. Mereka sukakan Celine Dion, Eric Clapton dan macam-macam lagi.

Zaman berubah jadi selera pun berubah. Datuk orang tua, tapi Datuk hormati perasaan dan isi hati orang muda. Kalau Datuk orang muda zaman ini pun mungkin Datuk akan gilakan Bon Jovi atau R.E.M.

Datuk tak boleh nak paksakan selera Datuk pada orang muda. Ini hak mereka. Apa yang mereka suka tak sama dengan apa yang Datuk suka. Sebab tiap orang ada selernya sendiri. Sebab itulah bila ada pihak bantah konsert Michael Jackson, Datuk naik hairan.

Apa yang nak diruih-riuhkan soal Michael Jackson? Bagi Datuk, si Michael Jackson ini tak perlu kita seriau. Sebab ada banyak benda lagi yang patut kita fikirkan. Banyak perkara lain yang lebih penting yang patut kita perjuangkan selain Michael Jackson.

Orang muda sukakan dia. Kita tak boleh larang. Kalau kita rasa dia rosakkan akhlak patut dan dulu kita haramkan dia muncul di T. V. kita. Atau lenyek kasetnya macam apa yang dibuat oleh puak Taleban di Afghanistan.

Ruih-rendahkan macam-macam pihak yang kata rosak budak-budak muda kita. Konsert itu pun dihentikan. Akibatnya, budak-budak muda tak ada tempat berhibur. Mereka pun melepak. Salah satu punca melepak pada pendapat Datuk ialah kerana tindakan menghentikan konsert orang muda macam itu.

Datuk bukan sukakan Michael Jackson. Tetapi kalau dengan membenarkan konsert itu, kita menunjukkan hormat kita pada golongan muda, itu sudah satu langkah yang baik. Lepas itu, bila kita dapat keyakinan mereka, kita halakanlah mereka kejalan yang kita mahukan.

Source: Adapted from *Mingguan Malaysia*, 27 October 1996

### *Soalan*

Kedua-dua petikan ini membahas perubahan nilai dalam kalangan pemuda-pemudi Malaysia modern. Bandingkan dan bezakan pendekatan dua orang yang bercakap terhadap pengaruh budaya kuning atas pemuda-pemudi Malaysia. Pendekatan siapa yang mana, kalau ada, anda fikir lebih sesuai dan akan berjaya. Jelaskan pilihan anda. Jawaban anda harus mengandungi 400 patah perkataan.

### *Question*

The two passages discuss the changing values of modern Malaysian youth. Compare and contrast the attitudes of the two speakers towards popular culture and its effect on Malaysian youth. Which approach, if either, do you think is more appropriate and more likely to succeed? Explain your choice. Your response should be about 400 words long.

## **Section 2: Reading and Responding**

### *Part A*

#### *Text*

Musim perayaan sememangnya musim kita semua berbelanja. Bagi yang berpendapatan, boleh dikatakan hampir semua kita berbelanja lebih daripada bulan-bulan yang lain bagi memeriahkan sambutan kali ini. Mereka yang banyak duit akan mengadakan pula majlis rumah terbuka seminggu dua ini.

Itulah 'kuasa' yang ada pada duit. Bagi yang memilikinya, sambutan musim perayaan seperti itu akan lebih meriah dan bermakna. Bagi yang tiada, apa saja mereka akan usahakan untuk mencari dan menggandakan duit.

Musim perayaan macam ini, anak-anaklah paling gembira kerana mendapat banyak wang yang diberi oleh ibu bapa, datuk, nenek, dan sanak saudara mereka.

Kegembiraan dan keceriaan terbayang di muka mereka apabila dihulurkan paket-paket kecil berwarna-warni berisi duit. Suasana kegembiraan itu lebih dirasai apabila dapat berkumpul dengan sepupu-sepupu kecil mereka dan membandingkan jumlah wang yang mereka dapat. Yang dapat duit sedikit, mereka merengek dengan ibu dan bapa apabila melihat kawan, abang, kakak mahupun sepupu mereka yang dapat duit lebih banyak. Pasti tangisan mereka itu akan berhenti dan makan pujuk apabila dihulur beberapa paket lagi oleh si bapa atau si ibu.

Tidak keterlaluan kalau kita katakan kegembiraan anak-anak zaman sekarang pada musim perayaan seperti ini hanyalah kerana mereka dapat mengumpulkan banyak wang. Ini tanda sifat kebendaan orang muda sekarang.

Seperti orang dewasa yang mempunyai banyak citarasa dan tinggi selera apabila mempunyai banyak wang, anak-anak juga tidak terkecuali. Dengan duit yang mereka perolehi ketika hari raya, anak-anak kita juga sudah pandai merancang dan berangan mahu membeli itu dan ini. Satu fenomena buruk ialah orang muda lebih gemar barang berjenama atau barangan mewah. Banyak remaja 'bak rasa kuda pula kukuran' dan tidak endahkan nasihat orang dahulu iaith 'Air dalam, berenang; air dangkal, bercebok'.

Ada pihak yang percaya sikap ibu bapa yang suka membeli barangan berjenama biasanya untuk mengekalkan status mereka yang mendidik anak-anak terus gila barangan berjenama.

Ada juga pihak yang percaya penyiaran televisyen dan iklan majalah yang terlalu banyak memaparkan pelbagai barangan berjenama dengan kehebatannya, turut mempengaruhi remaja untuk memiliki barangan mewah ini.

Malangnya, sikap remaja gilakan barangan berjenama mungkin ada kaitan dengan gejala sosial seperti bohsia. Ini kerana remaja yang terikut-ikut kumpulan elit, jiwa mereka terpengaruh untuk memiliki barangan berjenama padahal kemampuan ibu bapa amat terhad. Kita semua harus mendidik remaja masa kini bahawa lebih 'baik berjagung-jagung, sementara padi belum masak'.

Source: Adapted from *Berita Harian*

### Questions

Answer the following questions ((a)–(e)) in *Malay* in extended paragraphs. The total length of your response should be approximately 400 words.

- (a) Jelaskan, dalam satu perenggan, tema utama yang terdapat dalam petikan ini.

Explain, in one paragraph, the main theme of this passage.

- (b) Menurut petikan ini, bagaimana cara menyambut perayaan sudah berubah mengikut masa? Apakah alasan-alasan yang dicadangkan untuk perubahan ini?

According to the passage, how has the way festivals are celebrated changed over the years? What reasons are suggested for these changes?

- (c) Dalam petikan ini bagaimana konsep duit rya/ang pow sudah berubah dalam beberapa dekad yang baru ini?

According to the writer, how has the concept of duit raya/ang pow changed over the last few decades?

- (d) Menurut penulis ini, apakah peranan wang terhadap sambutan perayaan dalam konteks Malaysia moden? Apakah anda setuju dengan gambaran yang diberi dalam petikan ini?

What role does money play in the celebration of festivals in modern Malaysia? Do you agree with the description given in the passage?

- (e) Huraikan maksud 'air dalam, berenang, air dangkal, bercebok' seperti yang digunakan dalam petikan.

Explain the meaning of the proverb 'Air dalam, berenang, air dangkal, bercebok' as it is used in this passage.

### **Part B**

#### *Text*

Sekali lagi Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPFM) ditanyakan wibawa dan kredibilitinya. Tindakan mereka mengharamkan filem *Schindler's List* membuktikan bahawa mereka bukan sahaja tidak arif tentang filem tetapi menganggap filem tidak lebih sebagai durian yang dijual lambak di jalan.

Mereka menyebutkan adegan kejam dan seks sebagai punca filem itu diharamkan. Pada waktu yang sama mereka membenarkan sekian banyak filem yang jauh lebih kejam dan adegan ranjang yang jauh lebih memualkan.

Filem arahan Steven Spielberg ini memang mengenai kekejaman. Apa tidaknya, di tangan Adolph Hitler, lebih 6 juta bangsa Yahudi, Gipsi dan kaum minoriti lainnya telah disembelih sewaktu Perang Dunia Kedua. Itu merupakan salah satu tragedi memalukan dalam sejarah manusia moden.

Tapi kekejaman yang sama telah diperlakukan juga atas rakyat Islam Bosnia-Herzegovina sekarang. Juga atas rakyat Palestin di tanah yang diduduki secara paksa oleh Yahudi. Mungkin filem ini boleh dianggap 'dakyah Yahudi' dan membangkitkan simpati atas kaum Yahudi. Tetapi angkara Hitler dan pelampau Nazi dikutuk oleh semua manusia dan semua agama. Kita harus mengecam tindakan pelampau Serbia sekarang seperti juga kita mengutuk perbuatan Hitler dan Nazi Jerman satu ketika dahulu.

*Schindler's List* mengemukakan bagaimana bangsa Yahudi dikejami di salah sebuah tempat tahanan di Poland. Puak Nazi memperlakukan kekejaman yang di luar imaginasi manusia. Komandannya yang bernama Amon Goethe misalnya menjadikan hobi mencari sasaran hidup mana-mana tahanan Yahudi yang menarik perhatiannya.

Kita berharap melalui filem ini akan tertonjol aspek kemanusiaannya. Filem ini ialah tentang kemanusiaan. Filem ini seharusnya menyentuh *conscience* kita dan memperingatkan bahawa kekejaman atas sesiapa dan atas nama apa pun tidak boleh diwarakan.

Inilah kelebihan filem. Filem menggunakan imaginasi dan teknik khusus serta kepakaran dan teknologi untuk menjadikan real apa yang sebenarnya rekaan.

LPFM harus memahami makna di sebalik sesebuah filem. Selain itu tentunya estetika dan wibawa sesebuah filem. Tidak semua filem sama. Begitu juga kayu ukur penilaian harus sesuai dan cocok. Kalau tidak kita tidak akan dapat menghargai mutu sebuah filem.

Sudah sampai masanya LPFM dinilai semula. Komposisi keanggotaannya harus dikaji. Demikian juga cara lembaga itu memberi *ratings* pada filem. Sudah sampai masalah LPFM menilai filem sebagai filem bukan barangan yang boleh diborong di pasar tani.

Rakyat Malaysia harus didedahkan pada filem yang bermutu. *Schindler's List* merupakan satu peluang bagi rakyat negara ini membuat apresiasi sebuah lagi filem bermutu yang sebenarnya jarang kita temui.

Source: Adapted from *Utusan Malaysia*, 30 March 1994

#### *Soalan*

Gunakan informasi dari petikan di atas untuk menulis sepucuk surat dalam bahasa Melayu, kepada editor sebuah suratkabar (300 – 350 patah perkataan) yang mengutarakan pandangan anda tentang cara filem *Schindler's List* dilayan oleh LPFM. Beri cadangan anda tentang peranan badan-badan macam ini.

#### *Question*

Using information from the text, write a letter to the editor of a newspaper in *Malay* (300 to 350 words), expressing your views on the way the film *Schindler's List* has been handled by LPFM. Include suggestions on what you believe should be the role and power of such bodies.

### **Section 3: Writing in Malay**

Pilih satu daripada tugas di bawah ini. Tulis sebuah karangan dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan lebih kurang 500 patah perkataan.

Jawapan anda mesti merujuk kepada sekurang-kurangnya 2 karya sastera yang telah anda pelajari dari senarai *Prescribed Texts*.

Choose one of the tasks below. Write an essay in Malay of about 500 words.

Your response must refer to at least two works that you have studied from the Required Reading List.

1. Jelaskan cara wanita digambarkan dalam karya sastera yang sudah anda pelajari tahun ini. Apakah imej ini benar-benar mencerminkan masyarakat Malaysia masa kini?

Describe the way in which women are portrayed in the literary works you have studied this year. Do these images truly reflect modern Malaysian society?

2. Boleh dikatakan bahawa budaya tradisional Malaysia sudah lenyap diganti dengan budaya Barat. Apakah anda setuju dengan pendapat ini? Jelaskan melalui rujukan kepada karya sastera yang sudah anda pelajari tahun ini.

It could be said that traditional Malay culture has disappeared and been replaced by Western culture. Do you agree with this view? Explain your answer by referring to literary works you have studied this year.